

10/07/1997

Komponen Tamadun Islam ditambah

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Rabu - Dua komponen baru, Kenegaraan dan Tamadun Asia akan ditambah dalam kursus Tamadun Islam yang pengajarannya bakal diselaraskan di semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara.

Dengan penambahan dua komponen itu, di samping mengekalkan komponen Tamadun Islam sedia ada, kursus berkenaan akan dikenali sebagai Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun-Tamadun Asia.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata keputusan itu dibuat oleh mesyuarat Kabinet hari ini selepas membincangkan laporan kajian Jawatankuasa Petugas Penggubalan Kurikulum Kursus Tamadun Islam.

Beliau memberi jaminan kursus itu akan dikendalikan secara ilmiah oleh ahli akademik dengan menjurus kepada aspek pendedahan dan wacana, bukan indoktrinasi dan dogmatik.

Sehubungan itu, katanya, tiada pihak yang harus khuatir dengan langkah kerajaan mewajibkan kursus itu kepada semua pelajar IPTA.

"Menurut kajian, minat dan permintaan terhadap kursus sebegini kian meningkat di IPTA.

"Minat pelajar bukan Islam mengetahui tamadun Islam secara lebih ilmiah semakin ketara dan begitu juga sebaliknya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan, hari ini.

Kursus Tamadun Islam diperkenalkan di IPTA sejak 1983 atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memperkenalkan Islam sebagai tamadun yang unggul kepada pelajar tanpa mengira kaum dan agama.

Bagaimanapun dari segi pelaksanaan, wujud kelainan antara universiti tempatan sama ada dari segi nama mahupun modelnya.

Kajian terperinci mengenai keperluan pelajar terhadap kursus Tamadun Islam dijalankan oleh jawatankuasa terbabit sejak November 1995.

Najib berkata, penambahan komponen baru itu tidak mengurangkan kandungan Tamadun Islam sedia ada, sebaliknya dikembangkan lagi sejajar dengan peningkatan minat pelbagai pihak, termasuk bukan Islam terhadap tamadun Islam dan Asia.

Kursus itu bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar IPTA supaya faham dan prihatin mengenai tamadun Islam dan beberapa tamadun lain yang ada di rantau ini serta mewujudkan sikap keterbukaan bagi menghadapi kepelbagaian itu sesuai dengan konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Beliau mengesahkan, semua pelajar IPTA wajib mengikuti dan lulus kursus berkenaan.

"Pelaksanaannya tidak membebankan pelajar sama ada dari segi masa, kandungan atau kerja kursus," katanya.

Perincian mengenai kursus itu akan diputuskan Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor Universiti Awam/ITM termasuk dari segi jam kredit, komponen kursus dan latihan pensyarah.

Sementara perincian mengenainya disiapkan, IPTA akan meneruskan pengajaran kursus Tamadun Islam sedia ada.

Bagi IPTS pula, semua pelajar diwajibkan mengambil kursus Pengajian Malaysia yang akan dikendalikan dalam bahasa Melayu seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 Fasal 75(1)(b).

Pelajar Islam juga diwajibkan mengikuti kursus Pengajian Islam manakala pelajar bukan Islam mengikuti Pendidikan Moral.

"Pelajar tempatan wajib mengambil dan lulus kursus ini manakala pelajar luar negara pula, mereka wajib mengambil tetapi tidak wajib lulus.

"Kita tidak mengetatkan syarat ini bagi pelajar luar negara supaya mereka tidak takut untuk belajar di Malaysia.

"Perkara yang penting ialah mereka balik ke negara masing-masing dengan mempunyai sedikit pengetahuan mengenai bahasa Melayu dan kebudayaan kita," katanya.

(END)